

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
ANNUAR BIN MUSA [ KERETEH - BN ]**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 36)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan strategi dan pelan pemulihan yang dirangka oleh Kementerian bagi memperbaiki prestasi atlet yang bakal mewakili negara dalam kejuaraan antarabangsa agar imej sukan Malaysia mampu bersinar semula.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memandang serius terhadap mutu persembahan dan prestasi atlet-atlet negara ketika bertanding dalam sukan bertemasya seperti Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Berikut persembahan hambar kontinjen negara di Glasgow, langkah-langkah awal sedang diambil untuk melihat semula sejauh mana keberkesanan program latihan persediaan atlet yang dilaksanakan sekarang.
2. Antara tindakan yang dilaksanakan iaitu Kementerian akan berbincang dengan Persatuan Sukan Kebangsaan untuk membuat perancangan semula bagi mewujudkan legasi baharu dalam sukan kita melalui Pelan Strategik Jangka Panjang.
3. Usaha-usaha pemulihan atau penambahbaikan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program persediaan atlet sukan prestasi tinggi menjadi perkara asas untuk mencipta kejayaan yang lebih besar di masa akan datang. Beberapa pendekatan awal akan diambil seperti berikut :-
  - i. Hanya sukan-sukan yang mempunyai daya saing yang tinggi dan berpeluang memenangi pingat dicadangkan untuk menyertai temasya-temasya sukan antarabangsa.

**SULIT**

- ii. Penstrukturkan semula program penyediaan atlet jangka panjang (8-10 tahun) yang bersepadu dan seragam di peringkat negeri, pelapis dan elit.

Sekian, terima kasih.